

Berhak ambil tindakan perundangan ke atas negara pencetus jerebu

Kerajaan Singapura baru-baru ini mengambil langkah drastik menghantar notis saman kepada beberapa syarikat Indonesia yang disyaki terlibat dalam aktiviti yang menyebabkan jerebu. Notis saman itu dihantar seperti diperuntukkan melalui Akta Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan (THPA) 2014 yang dikuatkuasakan Singapura pada 25 September 2014.

Melalui Seksyen 5 akta terbabit, sekiranya sesebuah syarikat didapati bersalah, ia berdepan denda minimum S\$100,000 (kira-kira RM308,000) sehingga maksimum S\$2 juta (kira-kira RM6 juta).

Singapura melalui kenyataan medianya mendakwa pencemaran jerebu di negara berkenaan berlaku sejak 10 September lalu dan pihak terbabit sedang menjalankan siasatan dan mengumpul bukti sepanjang tempoh itu untuk digunakan bagi tujuan pendakwaan.

Masalah jerebu yang dihadapi kebanyakan negara di rantau Asia Tenggara termasuk Malaysia, dipercayai berpunca daripada aktiviti pembakaran terbuka yang dijalankan petani dan peladang Indonesia terutama di Sumatera. Asap yang terkumpul daripada kegiatan pembakaran terbuka menyebabkan jerebu yang dibawa melalui angin



Asap yang berkumpul daripada kegiatan pembakaran terbuka di Indonesia menyebabkan jerebu yang dibawa melalui angin merentasi Selat Melaka. [FOTO HIASAN]

merentasi Selat Melaka.

Kejadian jerebu juga berlaku di Sarawak akibat aktiviti pembakaran terbuka yang dipercayai berlaku di kawasan berhampiran negeri berkenaan. Buat sekian lamanya, Malaysia serta beberapa negara ASEAN terpaksa menanggung kesan daripada aktiviti pembakaran terbuka yang dijalankan secara besar-besaran sehingga

menjejaskan aktiviti harian penduduk di kawasan terbabit serta mengundang masalah kesihatan kepada penduduk.

Berlaku hampir setiap tahun
Jika dilihat dari rekod sejarah, kejadian jerebu berlaku hampir setiap tahun di musim kering pada bulan Ogos dan September. Malangnya sehingga kini tiada

tindakan serius dilihat diambil pihak terbabit.

Pelbagai jenis rundingan dan mesyuarat berlangsung antara negara ASEAN, namun tiada hasil yang nyata boleh dilihat melalui perbincangan dan mesyuarat diadakan. Oleh yang demikian, sudah sampai masanya pihak Malaysia khususnya mencadangkan sebuah akta hampir sama dengan

yang diperkenalkan Singapura.

Dengan adanya peruntukan undang-undang khusus mengenai perkara terbabit, pihak yang menjadi punca kepada masalah jerebu dapat dibawa ke muka pengadilan, pada masa sama dapat menjadi pengajaran kepada mana-mana pihak supaya tidak melakukan sebarang aktiviti yang boleh mengundang masalah kepada pihak lain.

Undang-undang antarabangsa juga ada memperuntukkan prinsip *sic utere tuo alienum non laedas* yang mana sesebuah negara boleh melakukan apa-apa aktiviti dalam wilayah pentadbiran negara mereka asalkan tidak mengundang masalah atau memberi kesan buruk atau negatif kepada negara lain.

Undang-undang antarabangsa juga ada memperuntukkan sesebuah negara untuk mengambil tanggungjawab di atas segala kesan aktiviti yang berlaku di negara mereka terhadap negara lain. Oleh yang demikian, kerajaan Malaysia hendaklah mempertimbangkan cadangan terbabit dengan teliti demi menjaga kesejahteraan rakyat serta keamanan negara di masa akan datang.

Dr Muzaffar Syah Mallow,
Universiti Sains Islam Malaysia.